



PERATURAN DAN TATACARA MESYUARAT LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM

(dibuat di bawah Seksyen 7, Akta Perlesenan
Tenaga Atom 1984)



MOSTI
MINISTRY OF SCIENCE,
TECHNOLOGY AND INNOVATION
MALAYSIA



KANDUNGAN

I. MESYUARAT

A. MESYUARAT BIASA

- | | |
|------------------------------|---|
| 1. Kekerapan mesyuarat biasa | 1 |
| 2. Tarikh mesyuarat biasa | 1 |
| 3. Pemberitahuan mesyuarat | 1 |

B. MESYUARAT KHAS

- | | |
|------------------------------------|---|
| 4. Permintaan dari Pengerusi | 2 |
| 5. Permintaan dari Ahli | 2 |
| 6. Penetapan tarikh mesyuarat khas | 2 |
| 7. Pemberitahuan mesyuarat | 3 |

C. MESYUARAT BIASA DAN KHAS

- | | |
|-------------------------------------|---|
| 8. Tempat mesyuarat | 3 |
| 9. Tempoh dan penangguhan mesyuarat | 3 |
| 10. Penundaan tarikh mesyuarat | 4 |

D. MESYUARAT TERGEMPAR

- | | |
|---------------------------------------|---|
| 11. Mengadakan mesyuarat tergempar | 4 |
| 12. Pemberitahuan mesyuarat tergempar | 4 |
| 13. Tempat mesyuarat tergempar | 5 |

II. AGENDA

A. MESYUARAT BIASA DAN KHAS

- | | |
|---------------------------------|---|
| 14. Penyediaan agenda sementara | 5 |
| 15. Pengemuka usul | 5 |

16. Usul tambahan	6
17. Pindaan usul	6
18. Penarikan usul	6
19. Pengesahan agenda	7

B. MESYUARAT TERGEMPAR

20. Penyediaan agenda dan edaran	7
21. Pengemuka usul	7
22. Pengesahan agenda	8

III. KEHADIRAN BUKAN AHLI DALAM MESYUARAT LEMBAGA

23. Kehadiran bukan ahli	8
24. Perlantikan ahli Lembaga	8
25. Ahli-ahli Lembaga	9
26. Tempoh memegang jawatan	9
27. Tamat tempoh perlantikan	9
28. Perletakan jawatan	10
29. Pengerusi sementara	10
30. Pengerusi mesyuarat	11
31. Pengosongan jawatan Pengerusi Lembaga	11
32. Keputusan mesyuarat sah semasa kekosongan jawatan	11

IV. SEKRETARIAT

33. Setiausaha Eksekutif	12
34. Setiausaha Lembaga	12
35. Tugas Setiausaha Eksekutif	12
36. Tugas Sekretariat	13
37. Penyerahan laporan dan kertas kerja	13

V. JAWATANKUASA LEMBAGA

38. Perlantikan Jawatankuasa	14
39. Keahlian bagi Jawatankuasa	14
40. Peraturan dan tatacara	14

VI. TATATERTIB SEMASA MESYUARAT

41. Kuasa Menteri	15
42. Kuasa am Pengerusi mesyuarat	15
43. Mesyuarat tertutup	16
44. Kuorum	17
45. Ucapan	17
46. Keutamaan kepada Menteri	17
47. Teguran perjalanan mesyuarat	18
48. Had masa dan kekerapan bersuara	18
49. Penundaan perbahasan	18
50. Penutupan perbahasan	19
51. Penggantungan atau penundaan mesyuarat	19
52. Tindakan mengikut tatatertib	20

53. Cadangan dan pindaan	20
54. Pertimbangan semula cadangan dan pindaan	21
55. Cadangan yang melibatkan perbelanjaan	21

VII. PENGUNDIAN

56. Kuasa mengundi bagi Pengerusi	22
57. Kuasa mengundi bagi ahli	22
58. Persetujuan sebulat suara	22
59. Persetujuan majoriti	23
60. Maksud “ahli hadir dan mengundi”	23
61. Cara mengundi	23
62. Tatatertib semasa pengundian	24
63. Penerangan pengundian	24
64. Pecahan cadangan dan pindaan	24
65. Undian ke atas cadangan Pindaan	25
66. Undian ke atas cadangan	26

VIII. BAHASA DAN REKOD

67. Bahasa rasmi mesyuarat	27
68. Bahasa untuk dokumen dan rekod	27
69. Minit rasmi mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa	28

IX. PINDAAN DAN PENGGANTUNGAN PERATURAN

71. Pindaan peraturan	28
72. Penggantungan peraturan	28

PERATURAN DAN TATACARA MESYUARAT LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM

**(dibuat di bawah Seksyen 7, Akta Perlesenan
Tenaga Atom 1984)**

I. MESYUARAT

MESYUARAT BIASA

Peraturan 1 Kekерapan mesyuarat biasa

Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat biasa sekurang-kurangnya tiga kali setahun.

Peraturan 2 Tarikh mesyuarat biasa

Mesyuarat pertama Lembaga dalam tahun baru hendaklah menetapkan tarikh-tarikh mesyuarat biasa bagi sepanjang tahun itu.

Peraturan 3 Pemberitahuan mesyuarat

Setiausaha Eksekutif hendaklah memberitahu tempat, tarikh dan masa mesyuarat kepada semua ahli Lembaga secara bertulis tidak kurang empat belas hari dari tarikh yang telah ditetapkan oleh Lembaga.

MESYUARAT KHAS

Peraturan 4 Permintaan dari Pengerusi

Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat khas atas permintaan Pengerusi.

Peraturan 5 Permintaan dari ahli

Mana-mana ahli Lembaga boleh meminta Setiausaha Eksekutif memanggil mesyuarat khas Lembaga. Jika majoriti ahli bersetuju atas perkara ini maka Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat.

Peraturan 6 Penetapan tarikh mesyuarat khas

Setiausaha Eksekutif hendaklah menetapkan tempat, masa dan tarikh mesyuarat. Mesyuarat hendaklah diadakan sebelum melewati tiga puluh hari dari tarikh persetujuan mengadakan mesyuarat khas dicapai mengikut Peraturan 5. Tarikh persetujuan adalah ditakrifkan sebagai tarikh bilamana semua surat jawapan dari ahli-ahli diterima oleh Setiausaha Eksekutif.

Peraturan 7 Pemberitahuan mesyuarat

Setiausaha Eksekutif hendaklah memberitahu secara bertulis tempat, tarikh dan masa mesyuarat kepada semua ahli Lembaga sebaik sahaja penetapan dibuat.

MESYUARAT BIASA DAN KHAS

Peraturan 8 Tempat mesyuarat

Semua mesyuarat Lembaga hendaklah diadakan di pejabat Lembaga kecuali jika tempat lain telah ditentukan oleh Lembaga atau Setiausaha Eksekutif.

Peraturan 9 Tempoh dan penangguhan mesyuarat

Jika agenda tidak dapat diselesaikan pada hari pertama maka ia hendaklah diselesaikan pada hari berikutnya dan begitulah seterusnya. Walau bagaimanapun Lembaga boleh membuat keputusan bagi menangguhkan mesyuarat untuk sementara waktu dan bersidang lagi sebelum lewat empat belas hari dari tarikh penangguhan mesyuarat.

Peraturan 10 Penundaan tarikh mesyuarat

Lembaga atau Pengerusi boleh menunda tarikh mesyuarat dari tarikh yang telah ditetapkan ke suatu tarikh baru dengan persetujuan majoriti ahli Lembaga. Sebelum keputusan tundaan ini dibuat satu tarikh ganti hendaklah ditetapkan terlebih dahulu.

MESYUARAT TERGEMPAR

Peraturan 11 Mengadakan mesyuarat tergempar

Hanya Menteri boleh memanggil mesyuarat tergempar. Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat tergempar atas permintaan Menteri.

Peraturan 12 Pemberitahuan mesyuarat tergempar

Sebaik sahaja keputusan bagi mengadakan mesyuarat tergempar dibuat oleh Menteri, Setiausaha Eksekutif hendaklah menetapkan dan memberitahu tempat, tarikh dan masa mesyuarat kepada semua ahli Lembaga dengan mengadakan alat perhubungan yang paling cepat sekali.

Peraturan 13 Tempat mesyuarat tergepar

Mesyuarat tergepar hendaklah diadakan di Pejabat Lembaga kecuali tempat lain telah ditentukan oleh Menteri.

II. AGENDA

MESYUARAT BIASA DAN KHAS

Peraturan 14 Penyediaan agenda sementara

Agenda sementara termasuk anotasinya hendaklah disediakan oleh Setiausaha Eksekutif.

Peraturan 15 Pengemuka usul

Usul untuk dimasukkan ke dalam agenda sementara hanya boleh dikemukakan oleh Menteri, Lembaga, Pengerusi, Setiausaha Eksekutif ataupun ahli-ahli Lembaga. Sebarang usul untuk dimasukkan ke dalam agenda hendaklah sampai ke tangan Setiausaha Eksekutif empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat yang telah ditetapkan.

Peraturan 16

Usul tambahan untuk dimasukkan ke dalam agenda hanya boleh dibuat dalam mesyuarat itu sendiri dan ia bolehlah dimasukkan ke dalam agenda sementara setelah mendapat persetujuan majoriti dari ahli-ahli Lembaga.

Peraturan 17 Pindaan usul

Usul-usul dalam agenda sementara boleh dipinda oleh Lembaga dengan persetujuan majoriti ahli-ahli yang hadir sebelum ia disahkan.

Peraturan 18 Penarikan usul

Usul dalam agenda boleh ditarik balik oleh pembawa usul bila-bila masa sahaja. Usul yang ditarik balik boleh dimasukkan kembali ke agenda jika ada pencadang dan cadangannya mendapat sokongan majoriti.

Peraturan 19 Pengesahan agenda

Agenda sementara hendaklah disahkan sebaik sahaja mesyuarat bersidang. Jika peraturan 14 ataupun peraturan 15 berkuat kuasa maka agenda sementara hendaklah disahkan sebaik sahaja keputusan mengenai usul tambahan, usul pindaan atau usul pemansuhan dibuat oleh mesyuarat.

MESYUARAT TERGEMPAR

Peraturan 20 Penyediaan agenda dan edaran

Agenda termasuk anotasinya hendaklah disediakan oleh Setiausaha Eksekutif dan diedarkan kepada semua ahli pada hari mesyuarat.

Peraturan 21 Pengemuka usul

Hanya Menteri boleh membuat usul untuk dimasukkan ke dalam agenda.

Peraturan 22 Pengesahan agenda

Agenda hendaklah disahkan sebaik sahaja mesyuarat bersidang.

III. KEHADIRAN BUKAN AHLI DALAM MESYUARAT LEMBAGA

Peraturan 23 Kehadiran bukan ahli

Bukan ahli Lembaga yang ingin menghadirkan diri di dalam mesyuarat Lembaga hendaklah membuat permohonan kepada Lembaga secara bertulis. Lembaga boleh membenar ataupun menolak permohonan itu. Walau bagaimanapun Lembaga hendaklah membenarkan mana-mana pihak menghadiri mesyuarat jika kehadiran mereka diperlukan oleh Menteri atau Pengerusi.

Peraturan 24 Perlantikan ahli Lembaga

Ahli Lembaga termasuk Pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri.

Peraturan 25 Ahli-ahli Lembaga

Ahli-ahli Lembaga hendaklah terdiri dari lima orang termasuk pengerusi. Di antaranya termasuklah Ketua Pengarah Kesihatan atau wakilnya dan seorang wakil dari Kementerian yang bertanggungjawab mengenai hal-ehwal tenaga atom. Kesemua mereka hendaklah mempunyai kelayakan di dalam bidang sains atau teknikal yang ada kaitannya dengan tenaga atom.

Peraturan 26 Tempoh memegang jawatan

Seorang ahli Lembaga boleh berkhidmat selama tiga tahun dari tarikh perlantikan kecuali ia mengosongkan jawatannya lebih awal, ataupun perlantikan dibatalkan oleh Menteri. Walau bagaimanapun jika jawatan yang dipegang itu tamat tempohnya, ia berkelayakan untuk dilantik semula atas kehendak Menteri.

Peraturan 27 Tamat tempoh perlantikan

Perlantikan seorang ahli boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Menteri, setelah terbukti benar ia muflis,

tidak cekap, cuai di dalam menjalankan tugasnya, atau berkelakuan mengaibkan. Ahli Lembaga juga adalah dianggap telah mengosongkan jawatannya apabila ia mati, meletak jawatan atau tidak menghadirkan diri di mesyuarat Lembaga sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi.

Peraturan 28 Perletakan jawatan

Ahli Lembaga boleh meletakkan jawatan dengan menulis surat sendiri kepada Menteri dan perletakan jawatannya berkuat kuasa setelah perletakan jawatannya itu diterima oleh Menteri.

Peraturan 29 Pengerusi sementara

Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga untuk bertindak sebagai Pengerusi sementara semasa ketiadaan Pengerusi. Pengerusi sementara mempunyai bidang kuasa yang sama seperti Pengerusi.

Peraturan 30 Pengerusi mesyuarat

Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga kecuali bila Peraturan 29 berkuat kuasa. Jika Peraturan 29 berkuat kuasa maka Pengerusi Sementara hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga.

Peraturan 31 Pengosongan jawatan Pengerusi Lembaga

Jika jawatan Pengerusi Lembaga telah dikosongkan, setiausaha Eksekutif hendaklah meminta supaya Menteri melantik Pengerusi Lembaga yang baru secepat mungkin.

Peraturan 32 Keputusan Mesyuarat sah semasa kekosongan jawatan

Jika berlaku kekosongan jawatan di dalam Lembaga, ahli-ahli Lembaga yang ada boleh membuat keputusan di dalam mana-mana mesyuarat Lembaga jika kuorumnya cukup. Sebarang keputusan dibuat adalah sah dan tidak boleh dipertikaikan atas sebab kekosongan itu.

IV. SEKRETARIAT

Peraturan 33 Setiausaha Eksekutif

Setiausaha Eksekutif bagi Lembaga hendaklah ketua jabatan dalam Kementerian yang bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.

Peraturan 34 Setiausaha Lembaga

Setiausaha Eksekutif hendaklah bertugas sebagai Setiausaha kepada Lembaga dalam semua mesyuarat Lembaga dan mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasanya atau ia boleh melantik seorang pegawai sebagai wakilnya di semua mesyuarat. Setiausaha Eksekutif atau wakilnya boleh bila-bila masa, dengan kebenaran Pengerusi, membuat penjelasan lisan atau bertulis kepada mesyuarat berkenaan.

Peraturan 35 Tugas Setiausaha Eksekutif

Setiausaha Eksekutif hendaklah bertanggungjawab menguatkuasakan semua keputusan Lembaga yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Beliau juga hendaklah mewujudkan dan mengarah kakitangan yang diperlukan oleh Lembaga dan Jawatankuasa-

jawatankuasanya, dan hendaklah bertanggungjawab bagi semua persiapan dan perkhidmatan yang perlu bagi mengadakan mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasanya.

Peraturan 36 Tugas Urusetia

Di bawah arahan Setiausaha Eksekutif, Urus setia hendaklah menerima, menterjemah, membuat salinan dan mengedarkan semua dokumen-dokumen Lembaga dan mengedarkan minit sementara atau minit rasmi mesyuarat; menyimpan semua dokumen-dokumen Lembaga di arkib Lembaga; menerbitkan laporan-laporan mesyuarat Lembaga; mengedarkan laporan-laporan Lembaga kepada semua ahli; dan umumnya menjalankan tugas yang diarah oleh Lembaga atau Jawatankuasa jika diperlukan.

Peraturan 37 Penyerahan laporan dan kertas kerja

Semua laporan dan kertas kerja untuk mesyuarat hendaklah diserahkan kepada Urusetia secepat mungkin untuk dicetak dan diedarkan kepada ahli.

V. JAWATANKUASA LEMBAGA

Peraturan 38 Perlantikan Jawatankuasa

Lembaga dari masa ke semasa boleh melantik Jawatankuasa-jawatankuasa yang difikirkan perlu untuk membantu Lembaga dalam menjalankan fungsi-fungsi di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.

Peraturan 39 Keahlian Bagi Jawatankuasa

Pengerusi dan ahli-ahli bagi Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan mengikut Peraturan 38 hendaklah dilantik oleh Lembaga.

Peraturan 40 Peraturan dan tatacara

Tertakluk kepada sebarang ketetapan mesyuarat Lembaga, peraturan dan tatacara mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa hendaklah seboleh-bolehnya mengikut peraturan dan tatacara mesyuarat Lembaga.

VI. TATATERTIB SEMASA MESYUARAT

Peraturan 41 Kuasa Menteri

Menteri dari masa ke semasa boleh memberi arahan kepada Lembaga yang tidak bercanggah dengan peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 mengenai polisi yang perlu diikuti oleh Lembaga dalam menjalankan kuasa dan fungsinya. Lembaga hendaklah menguatkuasakan arahan tersebut.

Peraturan 42 Kuasa am Pengerusi mesyuarat

Sebagai tambahan kepada kuasa Pengerusi untuk menjalankan tugas-tugas yang diberikan tertakluk kepada peraturan-peraturan ini, beliau :

- i. akan mengisytiharkan pembukaan dan penutupan sesuatu mesyuarat;
- ii. akan menentukan arah sesuatu perbincangan di dalam mesyuarat, menentukan bahawa ahli-ahli tidak melanggar sesuatu peraturan, berhak mengizinkan seseorang ahli untuk bersuara, mengemukakan pertanyaan

- dan menghebahkan ketetapan yang telah dibuat;
- iii. mempunyai kuasa untuk mengawal keadaan ataupun perjalanan sesuatu mesyuarat;
 - iv. menghadkan masa kepada seseorang ahli untuk mengemukakan pendapatnya atau soalan-soalan dan berhak menentukan tempoh masa bagi sesuatu perbahasan; dan
 - v. mencadangkan penggantungan atau penundaan sesuatu mesyuarat atau menutup sesuatu perbahasan yang sedang diperdebatkan.

Walau bagaimanapun semasa menjalankan tugasnya Pengerusi harus mengikut peraturan-peraturan mesyuarat.

Peraturan 43 Mesyuarat tertutup

Semua mesyuarat Lembaga mestilah diadakan secara tertutup.

Peraturan 44 Kuorum

Kuorum mesyuarat Lembaga hendaklah terdiri dari empat orang ahli termasuk Pengerusi.

Peraturan 45 Ucapan

Seseorang ahli yang ingin bersuara bagi menyampaikan usul atau pendapat mestilah terlebih dahulu meminta kebenaran daripada Pengerusi. Selain daripada itu Pengerusi juga boleh menolak sebarang pendapat atau usul atau perbincangan atau perbahasan yang terkeluar daripada tajuk asalnya.

Peraturan 46 Keutamaan kepada Menteri

Pengerusi hendaklah memberi keutamaan kepada Menteri jika Menteri pada sesuatu ketika ingin memberikan penerangan bagi sebarang laporan ataupun saranan semasa mesyuarat Lembaga sedang bersidang.

Peraturan 47 Teguran perjalanan mesyuarat

Semasa membuat perbincangan atau keputusan di dalam mesyuarat seorang ahli boleh membuat teguran jika perjalanan mesyuarat tidak mengikut peraturan dan tatacara mesyuarat Lembaga. Teguran hendaklah diselesaikan dengan serta-merta. Mengikut peraturan ini seorang ahli boleh membuat rayuan atas apa-apa keputusan yang dibuat oleh Pengerusi. Rayuan itu hendaklah diselesaikan dengan serta-merta secara pengundian. Keputusan majoriti adalah muktamad.

Peraturan 48 Had masa dan kekerapan bersuara

Pengerusi berhak menentukan had masa atau kekerapan bagi seseorang ahli mengemukakan usul atau pendapatnya. Apabila masa yang dibenarkan telah dilewati Pengerusi berhak memberhentikannya dengan serta-merta.

Peraturan 49 Penundaan perbahasan

Semasa perbahasan atas apa juga tajuk, seorang ahli boleh mencadangkan supaya perbahasan ditunda.

Jika ada penyokong cadangan itu hendaklah diundi dengan serta-merta. Perbahasan hendaklah ditunda setelah mendapat persetujuan majoriti.

Peraturan 50 Penutupan perbahasan

Semasa perbahasan atas apa juga tajuk, seseorang ahli boleh mencadangkan supaya perbahasan ditutup walaupun ada ahli yang memohon untuk menyuarakan pendapatnya. Jika ada penyokong, cadangan itu hendaklah diundi dengan serta-merta. Perbahasan hendaklah ditutup setelah mendapat persetujuan majoriti.

Peraturan 51 Penggantungan atau penundaan mesyuarat

Semasa mesyuarat, jika seorang ahli mencadangkan supaya mesyuarat digantung atau ditunda, maka cadangan demikian tidak boleh diperdebatkan. Sebaliknya jika ada penyokong, cadangan itu hendaklah diundi dengan serta-merta dan mesyuarat hendaklah digantung atau ditunda setelah mendapat persetujuan majoriti.

Peraturan 52 Tindakan mengikut tertib

Tertakluk kepada Peraturan 46, cadangan-cadangan berikut hendaklah diberi keutamaan mengikut tertibnya dari cadangan-cadangan lain yang dikemukakan semasa bersidang.

- a)** Untuk menggantung mesyuarat;
- b)** Untuk menunda mesyuarat;
- c)** Untuk menunda perbahasan atas tajuk yang dibincangkan;
- d)** Untuk menutup perbahasan atas tajuk yang dibincangkan

Peraturan 53 Cadangan dan pindaan

Semua cadangan dan pindaan yang ingin dibentangkan di dalam mesyuarat hendaklah diserahkan secara bertulis kepada Pengerusi untuk diedarkan kepada semua ahli. Sebagai suatu peraturan am dan tertakluk kepada Peraturan 55, semua cadangan dan pindaan tidak boleh dibincangkan atau diundi melainkan teksnya telah diedarkan kepada semua ahli tidak lewat sehari sebelum mesyuarat diadakan. Walau bagaimanapun, Pengerusi berkuasa membenarkan perbincangan atas cadangan dan

pindaan yang dikemukakan walaupun teks tersebut tidak diedarkan, ataupun diedarkan pada hari mesyuarat.

Peraturan 54 Pertimbangan semula cadangan dan pindaan

Jika satu cadangan atau pindaan telah diterima atau ditolak oleh mesyuarat, cadangan atau pindaan itu tidak boleh dipertimbangkan semula pada mesyuarat yang sama kecuali mesyuarat mahu mempertimbangkan semula dengan persetujuan majoriti.

Peraturan 55 Cadangan yang melibatkan perbelanjaan

Suatu cadangan yang melibatkan perbelanjaan oleh Lembaga tidak boleh diundi tanpa mempunyai laporan yang lengkap daripada Setiausaha Eksekutif mengenai implikasi pentadbiran dan kewangan atas cadangan itu.

VII. PENGUNDIAN

Peraturan 56 Kuasa mengundi bagi Pengerusi

Pengerusi tidak boleh mengundi kecuali keputusan undian atas sebarang perkara adalah sama berat. Dalam keadaan ini undian Pengerusi adalah merupakan undi pemutus.

Peraturan 57 Kuasa mengundi bagi ahli

Tertakluk kepada Peraturan 56 semua ahli berhak mengundi dan tiap-tiap ahli mewakili satu undi.

Peraturan 58 Persetujuan sebulat suara

Sebarang ketetapan yang dibuat di dalam mesyuarat Lembaga mengenai perkara di bawah hendaklah mendapat persetujuan sebulat suara dari semua ahli Lembaga yang hadir dan mengundi :

- a)** Keputusan yang bersangkutan dengan perbelanjaan;
- b)** Keputusan yang bersangkutan dengan cadangan bagi meminda Peraturan dan Tatacara Mesyuarat Lembaga;

- c) Keputusan yang bersangkutan dengan Kod, Piawaian dan lain-lain Perundangan Kecil di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984;
- d) Keputusan meminda ketetapan yang dibuat mengikut Peraturan-peraturan 71 dan 72.

Peraturan 59 Persetujuan majoriti

Keputusan Lembaga atas perkara lain dari peraturan 58 hanya memerlukan persetujuan majoriti dari ahli-ahli yang hadir dan mengundi.

Peraturan 60 Maksud “ahli hadir dan mengundi”

Untuk tujuan peraturan-peraturan ini, ungkapan “ahli-ahli hadir dan mengundi” bermakna ahli yang membuang undi yang sah sama ada menyokong atau menentang. Ahli yang menarik diri dari mengundi adalah dianggap tidak mengundi.

Peraturan 61 Cara mengundi

Cara mengundi hendaklah dengan mengangkat tangan.

Peraturan 62 Tatatertib semasa pengundian

Semasa pengundian dijalankan, ahli-ahli tidak dibenarkan mengganggu pengundian kecuali berhubung dengan teguran mengenai tatatertib pengundian itu dilakukan.

Peraturan 63 Penerangan pengundian

Pengerusi boleh membenarkan ahli memberi keterangan mengenai undiannya sama ada sebelum atau selepas pengundian. Pengerusi boleh menghadkan masa untuk memberi keterangan atas undiannya mengenai cadangan atau pindaan yang dikemukakan.

Peraturan 64 Pecahan cadangan dan pindaan

Mana-mana ahli boleh mengemukakan usul supaya sebahagian daripada cadangan atau pindaan diundi berasingan. Jika ada bantahan dibuat maka cadangan itu hendaklah diundi. Kebenaran untuk bercakap atas cadangan itu hanya diberi kepada seorang penyokong atau seorang pembangkang.

Jika pengundian untuk tiap-tiap bahagian diadakan maka bahagian-bahagian cadangan atau pindaan yang telah dipersetujui hendaklah diundi sekali lagi secara keseluruhan cadangan atau pindaan ditolak oleh mesyuarat.

Peraturan 65 Undian ke atas cadangan pindaan

- a)** Bila cadangan untuk pindaan dikemukakan ke atas satu cadangan asal, maka cadangan untuk pindaan itu hendaklah diundi terlebih dahulu. Bila dua atau lebih cadangan untuk pindaan kepada sesuatu cadangan asal dikemukakan, Lembaga hendaklah mengundi cadangan untuk pindaan yang dianggap oleh Pengerusi paling kurang kaitannya dengan inti cadangan asal terlebih dahulu diikuti dengan yang kurang kaitannya dengan inti cadangan asal dan seterusnya sehinggalah semua cadangan-cadangan untuk pindaan telah diundi. Jika sekiranya penerimaan sesuatu pindaan bermakna penolakan pindaan yang lain, pindaan yang lain itu hendaklah tidak diundi. Jika satu atau lebih pindaan telah dipersetujui, cadangan asal setelah dipinda hendaklah diundi secara keseluruhannya.

- b)** Sesuatu cadangan akan dianggap pindaan kepada suatu cadangan asal jika ia hanya sebagai tambahan, pemansuhan atau mengemaskinikan mana-mana bahagian di dalam cadangan asal.

Peraturan 66 Undian ke atas cadangan

Jika ada dua atau lebih cadangan mengenai masalah yang sama Lembaga hendaklah, kecuali ia membuat keputusan sebaliknya, mengundi ke atas cadangan-cadangan mengikut giliran sebagaimana ia dikemukakan. Lembaga boleh, selepas tiap-tiap undian ke atas sesuatu cadangan, membuat keputusan sama ada hendak mengundi ke atas cadangan-cadangan yang lain.

VIII. BAHASA DAN REKOD

Peraturan 67 Bahasa rasmi mesyuarat

Bahasa Malaysia seboleh-bolehnya hendaklah digunakan sebagai bahasa rasmi di dalam semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasanya.

Peraturan 68 Bahasa untuk dokumen dan rekod

Semua rekod-rekod rasmi, resolusi-resolusi dan dokumen-dokumen hendaklah seboleh-bolehnya dalam Bahasa Malaysia.

Peraturan 69 Minit rasmi mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa

- a)** Minit rasmi sementara bagi semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasanya hendaklah disediakan oleh urus setia dan diedarkan secepat mungkin kepada semua ahli. Tiap ahli boleh memberitahu urus setia secara bertulis, tidak lewat dari dua hari setelah diedarkan jika ada sebarang pembetulan yang perlu dibuat.
- b)** Jika tiada pembetulan dibuat dalam tempoh dua hari maka minit rasmi sementara adalah dianggap betul.
- c)** Minit rasmi hendaklah disediakan oleh urus setia setelah pembetulan dibuat jika ada. Minit rasmi ini hendaklah diedarkan kepada semua ahli.

Peraturan 70 Edaran resolusi dan dokumen-dokumen penting

Semua teks resolusi dan dokumen-dokumen penting hendaklah diedarkan oleh urus setia kepada semua ahli secepat mungkin.

IX. PINDAAN DAN PENGGANTUNGAN PERATURAN

Peraturan 71 Pindaan Peraturan

Peraturan-peraturan ini boleh dipinda, tertakluk kepada peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dan setelah Lembaga menerima satu laporan atas cadangan pindaan daripada Setiausaha Eksekutif, jika keputusan dibuat oleh Lembaga dengan mendapat persetujuan sebulat suara dari ahli yang hadir dan mengundi.

Peraturan 72 Penggantungan peraturan

Mana-mana peraturan ini boleh digantung, tertakluk kepada peruntukan mendapat persetujuan sebulat suara dari ahli yang hadir dan mengundi.

LAMPIRAN:

Perkara-perkara asal yang telah dipinda daripada dokumen asal

Muka 1 - Tajuk

... Fasal 7 *dipinda kepada* ... Seksyen 7

Muka 10 - Peraturan 28

... diterima secara bertulis *dipinda kepada* ... diterima oleh Menteri

Muka 13 - Peraturan 37

... diserahkan kepada Sekretariat *dipinda kepada* ... diserahkan kepada Urusetia

